



09 APR, 2025

8,000 premis, 300 kilang terkesan



Sinar Harian, Malaysia

8,000 premis, 300 kilang terkesan

Bekalan elektrik, telekomunikasi di lokasi terjejas dijangka pulih sepenuhnya pada Jumaat

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI dan HISYAMUDDIN AYUB
SUBANG JAYA

Kesan kebakaran saluran paip gas di Putra Heights di sini menyebabkan sekurang-kurangnya 8,000 residensi dan komersial serta 300 kilang terjejas.

Exco Infrastruktur dan Pertanian Selangor, Datuk Ir Izham Hashim berkata, sebahagian besar bekalan gas terlibat adalah untuk bekalan stesen janakuasa elektrik.

Menurutnya, empat stesen janakuasa yang terjejas iaitu Stesen Janakuasa Connaught Bridge di Klang, Stesen Janakuasa Pulau Indah, Stesen Janakuasa Sultan Salahuddin Abdul Aziz di Kapar dan Stesen Janakuasa Putrajaya.

"Dua daripada stesen janakuasa tersebut menggunakan arang batu dan sumber minyak tetapi dua lagi tak boleh (operasi) kerana ia menggunakan sumber gas

sahaja.

"Setakat ini bekalan elektrik tidak terjejas kerana dapat diagihkan ke lokasi lain untuk memenuhi keperluan bekalan elektrik negara," katanya semasa sidang akbar di Pos Kawalan Tempat Kejadian (PKTK) di sini pada Selasa.

Tambah beliau, sebanyak 330 juta kaki kubik gas asli diperlukan setiap hari bagi membekalkannya kepada empat stesen janakuasa dan residensi, komersial serta kilang.

Ujarnya, sebanyak 200 juta kaki kubik diperlukan untuk stesen janakuasa berkenaan, manakala baki 130 juta kaki kubik pula diperlukan untuk bekalan ke residensi, komersial dan kilang.

Dalam pada itu, Izham berkata, kerajaan Selangor menjangkakan bekalan elektrik dan telekomunikasi di lokasi terjejas akan pulih sepenuhnya pada Jumaat.

"Bekalan meter akan dipasang sehingga tuan rumah sedia untuk masuk semula kediaman tetapi tempat yang tidak selamat dan rosak teruk tidak disambung (bekalan elektrik).

"Selain itu, pihak Telekom Malaysia juga memaklumkan perkhidmatan mereka akan dibaik pulih pada Jumaat," katanya.

Menurutnya, siasatan berhubung kes itu masih dilakukan dengan teliti bagi memastikan punca sebenar kejadian.

"Siasatan semua sudah sedia maklum ia akan ambil sedikit masa, hendak teliti



Izham (tengah) semasa sidang akbar di PKTK di Putra Heights, Subang Jaya pada Selasa.

punca sepenuhnya sebelum diumumkan oleh Menteri Besar Selangor mengenai kesimpulan dan bukti berkaitan.

"Kita tidak ada apa hendak sembunyi. Sekarang ini untuk keselamatan semua. Sebelum ini ada insiden yang hampir sama dan perlu diambil kira sebelum dedahkan apa punca," ujarnya.

Jelasnya, tidak timbul isu seperti dakwaan di media sosial kerana pihak terbabit di lokasi melakukan kerja dengan kelulusan permit oleh pihak Petronas dan dilakukan dengan prosedur.

Sementara itu, Izham berkata, meruas mesyuarat jawatankuasa yang di-

laksanakan, langkah susulan jajaran paip gas seluruh Selangor telah dibincangkan untuk diambil langkah tambahan agar insiden seumpama itu tidak berulang.

"Itu antara perkara paling penting se-dang dibuat di peringkat kerajaan negeri. Perkara ini sedang dibincangkan dan akan dibentang kemudian," ujarnya.

Dalam insiden pada 1 April lalu, saluran paip gas sepanjang kira-kira 500 meter terbakar hingga mengakibatkan api menjulang tinggi, menyebabkan kerosakan kediaman dan harta benda selain kecederaan kepada penduduk ber-hampiran.